

29 OCT 2000

Najib-Singapura

MALAYSIA TIDAK ANGGAP SINGAPURA BAKAL MUSUH NEGARA, KATA NAJIB

PEKAN, 29 Okt (Bernama) -- Malaysia tidak menganggap Singapura sebagai bakal musuh negara dalam erti kata ada kemungkinan akan tercetus peperangan antara kedua-dua negara, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Sebaliknya, beliau berkata berikutan lawatan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew ke Malaysia baru-baru ini dan bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Malaysia berusaha merapatkan hubungan dua hala serta menyelesaikan masalah-masalah yang tertangguh selama ini.

Semasa ditemui pemberita selepas melancarkan Gerakan Desa Wawasan Kampung Ubai di sini, beliau berkata jemaah menteri sedang menyemak beberapa perkara membabitkan kedua-dua buah negara yang dijangka akan dapat diselesaikan dalam sedikit masa lagi.

"Apabila perkara-perkara ini dapat diatasi, saya percaya hubungan antara Malaysia dan Singapura akan menjurus kepada satu era baru yang lebih selesa antara kedua-dua buah negara," kata beliau.

Najib diminta mengulas laporan akhbar hari ini mengenai penjelasan Lee bahawa kenyataan spontannya tentang pembelian peluru berpandu jarak sederhana bukan bertujuan mencetuskan provokasi.

Penjelasan Lee, yang dipetik daripada akhbar Straits Times Singapura, menyatakan beliau telah ditanya oleh oleh agensi berita AFP semasa di Paris pada 3 Okt mengenai ke mana 100 peluru berpandu AIM-120C yang dibeli dari Amerika Syarikat itu akan dihalakan.

Lee menjawab "peluru berpandu itu tidak akan menghala ke mana-mana tetapi ia adalah untuk mengalu-alukan sesiapa saja yang hendak mengancam."

Najib berkata kenyataan Lee itu tidak dapat dinafikan telah membangkitkan kemarahan di peringkat akar umbi kerana tafsiran daripada kata-katanya seolah-olah menggambarkan sikap yang angkuh dan menghala kepada Malaysia.

"Itu reaksi di peringkat akar umbi tapi di peringkat kepimpinan negara dalam kerajaan, kita tidak menganggap kenyataan itu menggambarkan niat Singapura untuk membawa kepada konflik antara kedua-dua buah negara," katanya.

Beliau menegaskan Malaysia menerima bahawa pembelian peluru berpandu itu ialah untuk meningkatkan kemampuan pertahanan Singapura seperti program modenisasi Angkatan Tentera Malaysia yang juga mempunyai tujuan sama.

Semasa ditanya sama ada pertempuran kaum di Kalimantan Barat, Indonesia di antara penduduk Melayu dan Madura, boleh menimbulkan ancaman terhadap Malaysia, terutama di Sarawak, beliau berkata keselamatan negara akan terancam sekiranya berlaku limpahan daripada konflik itu.

Ini lebih-lebih lagi apabila pendatang asing membanjiri negara atau berlaku suatu bentuk pertelingkahan di kawasan sempadan yang membabitkan rakyat Malaysia yang bermastautin di situ.

"Setakat ini belum nampak tanda-tanda ke arah itu. Bagaimanapun kita mesti berjaga-jaga dalam apa jua keadaan," katanya.

-- BERNAMA

ROS RON